

Headline	Kelantan juara HIV tiga tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	358 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,772
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,316



# Kelantan 'juara HIV' tiga tahun

Perwakilan mahu Nik Aziz bertanggungjawab kes meningkat setiap tahun



**K**UALA LUMPUR: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat diselar kerana gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin apabila negeri itu menjadi 'juara' dengan mencatat jumlah pesakit HIV paling ramai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.

Perwakilan Kelantan, Che Hanuni Che Ali yang juga Ketua Puteri UMNO Bachok, berkata Nik Aziz perlu bertanggungjawab dan jangan hanya pandai meletakkan kesalahan pada pihak lain.

"Untuk pengetahuan bukan saja pada 2010 Kelantan menjadi juara HIV, malah pada 2008 dan 2009 anugerah juara itu juga dipegang Kelantan.

"Seperti biasa, sebagaimana yang kita kenal, perangai pemimpin dan penyokong PAS, mereka akan melemparkan keburukan itu kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Mereka (PAS) hanya hendak yang baik-baik, perkara buruk semuanya milik orang lain. Jumlah jangkitan baru HIV di Kelantan dari Januari hingga Disember tahun lalu ialah sebanyak 462 orang, manakala kematian disebabkan AIDS ialah 88 orang.

"Di Kelantan sebenarnya banyak yang retorik, mereka hanya meletakkan papan-papan tanda di jalanan seperti 'membina generasi al-Quran' 'bersama kepimpinan ulama' tapi realitinya hanya omongan kosong," katanya ketika membahaskan usul sosial pada Persidangan Perwakilan Puteri UMNO, semalam.

Headline	Kelantan juara HIV tiga tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	358 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,772
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,316

Katanya, keruntuhan akhlak di kalangan anak muda kini semakin membimbangkan dan ibu bapa perlu memainkan peranan sebaik mungkin dalam mendidik anak-anak bagi memastikan mereka tidak terjerumus ke lembah kehinaan.

Sementara itu, Ketua Puteri UMNO bahagian Jerai, Hasfizatulnisah Mat Isa, yang mewakili Kedah bagi membahaskan usul sosial mengancam pengajuran Seksualiti Merdeka oleh badan bukan kerajaan (NGO).

Beliau berkata, pengajuran program sebegini boleh memberi ancaman kepada masyarakat Melayu, selain akan membawa kepada keruntuhan akhlak di kalangan anak

muda serta mengancam akidah umat Islam.

“Oleh itu kami mendesak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil tindakan undang-undang serta meningkatkan pemantau dengan menutup laman sosial berunsur lucuh,” katanya.

Nada sama turut disuarakan Naib Ketua Puteri UMNO Wilayah Persekutuan, Huzry Fionnawaty

Hussein yang menyifatkan pengajuran Seksualiti Merdeka sebagai serangan kearah merosakkan akidah umat Islam.

Bagi Ketua Puteri UMNO bahagian Shah Alam, Selangor, Shuratini Abd Rahman yang membahaskan usul agama berkata, isu agama

membelit kerajaan pakatan pembangkang Selangor harus dijadikan iktibar serta menjadi bukti bahawa Islam kini kian terancam.

Bermula dengan isu pertikaian penggunaan kalimah Allah sehingga membawa kepada gejala murdad dan serangan terhadap Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta Lembaga Zakat Selangor (LZS) harus diberi perhatian.

“Untuk itu Puteri UMNO Selangor mencadangkan empat bidang pemerksaan dalam aspek pendidikan Islam perlu dilaksanakan antaranya program J-Qaf tidak boleh lagi hanya tertumpu di sekolah rendah sebaliknya perlu diperluaskan ke sekolah menengah,” katanya.



Che Hanuni



Hasfizatulnisah



Shuratini